

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 8 JUN 2014 (AHAD)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	45 Boya penambat dipasang di taman laut Johor tahun ini	Bernamea.com
2	Kanak-kanak dan remaja perlu dididik berhubung jenayah siber, kata Rosmah	Bernamea.com
3	Polis sahkan mayat Huntley	Berita Harian
4	DNA sah mayat Huntley	Mingguan Malaysia
5	Sah mayat Gareth	Metro Ahad
6	Police: It's Huntley's	Sunday Star
7	Body near chalet is Huntley's	New Sunday Times



## **45 Boya Penambat Dipasang Di Taman Laut Johor Tahun Ini**

MERSING, 8 Jun (Bernama) -- Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) akan memasang 45 boya penambat di sekitar perairan Taman Laut Johor tahun ini dalam usaha melindungi terumbu karang.

Ketua Pengarahnya, Dr Sukarno Wagiman berkata ia sebagai langkah pencegahan untuk memastikan ekosistem di taman laut itu tidak terjejas akibat penggunaan sauh oleh bot nelayan dan pelancongan.

"Pemasangan boya ini untuk memastikan ancaman terhadap terumbu karang dapat dikurangkan apabila sauh bot tidak lagi dilabuhkan di atas batu karang," katanya ketika berucap pada program sambutan Hari Laut Sedunia 2014 dan Hari Biodiversiti Antarabangsa di Pulau Sibul Ahad.

Katanya boya-boya yang akan dipasang itu berkualiti tinggi dan mampu digunakan sehingga 15 tahun. JTLM sehingga kini memasang lebih 500 boya di beberapa negeri.

Hari Laut Sedunia disambut pada 8 Jun setiap tahun untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang kepentingan laut dan sumbangan laut kepada kehidupan seharian.

Program itu dilaksanakan sejak 2011 di Pulau Tioman, Pulau Perhentian (2012), Pulau Redang (2013) dan tahun ini di Pulau Sibul, Johor.

Sukarno berkata usaha JTLM itu diharap mampu memberi kesedaran tentang keperluan memelihara khazanah serta produk pelancongan semula jadi yang ada di Malaysia.

Katanya sambutan Hari Laut Sedunia itu juga memberi peluang kepada masyarakat untuk terlibat secara langsung dalam usaha melindungi alam sekitar.

JTLM merupakan antara agensi kerajaan yang bertanggungjawab melindungi biodiversiti marin.

Dalam pada itu, JTLM turut menganjurkan program Restorasi Karang sempena Hari Laut Sedunia dan dijangka lebih 500 anak karang akan disemai di sekitar perairan Taman Laut Johor melibatkan 70 penyelam.

Jabatan itu telah menyemai lebih 10,000 anak karang di seluruh negara semenjak 2011.

Selain program Restorasi Karang, JTLM turut menyelitkan pengisian aktiviti seperti pameran dan kaunter bertemu pelanggan dan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Di Kuala Lumpur, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin** berkata pemusnahan habitat marin akibat tindakan manusia yang tidak dikawal di perairan negara boleh mengancam spesies marin tempatan.

**Berucap merasmikan sambutan Hari Laut Sedunia di Pusat Sains Negara**, beliau berkata kementerian menyediakan dana penyelidikan kepada penyelidik dan saintis tempatan dalam bidang sains marin dan oseanografi khusus dalam aspek penjagaan ekosistem laut di Malaysia.

"Hasil kajian ini diharap dapat menyumbang ke arah langkah penyelesaian inovatif dalam memastikan kelangsungan sumber alam sekitar marin," katanya.

-- BERNAMA





## Kanak-Kanak Dan Remaja Perlu Dididik Berhubung Jenayah Siber, Kata Rosmah



PUTRAJAYA, 8 Jun (Bernama)-- Kanak-kanak dan remaja perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan mengenai jenayah siber yang semakin berleluasa, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata golongan berkenaan perlu dididik agar bijak melayari internet bagi memastikan ianya tidak mendatangkan impak negatif terhadap diri mereka, keluarga dan negara.

Dengan 17.5 juta pengguna internet di negara ini, katanya masalah kebejatan sosial juga banyak berlaku ekoran dari penggunaan internet yang tidak bertanggungjawab.

"Pada masa kini pelbagai kes yang melibatkan alam siber dalam kalangan pengguna media sosial telah dilaporkan.

Justeru saya berharap anak-anak berfikir dahulu dengan rasional dan bukannya mengikut emosi ketika melayari internet bagi memastikan tindakan kita tidak memberi impak negatif kepada diri sendiri dan juga negara," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Pandu Puteri dan Pandu Puteri Turun Padang Putrajaya, di sini Ahad.

Sehubungan dengan itu, Rosmah yang juga Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia meminta program seperti "safe on the net" yang memberi fokus kepada pendidikan alam siber melibatkan murid sekolah diperluaskan lagi.

Katanya program itu yang dijalankan Pandu Puteri Cawangan Putrajaya sejak Oktober lepas turut mendapat kerjasama penuh daripada [Cybersecurity Malaysia, iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.](#)

"Seramai 40 pemimpin Pandu Puteri Cawangan Putrajaya telah dipilih menjadi Duta Kecil Cybersafe untuk mengendalikan ancaman siber agar menjadi pengguna siber yang bertanggungjawab.

Harapan saya ialah persatuan itu terus merancang dan melaksanakan program itu secara berterusan bagi mendedahkan ahli-ahli Pandu Puteri di seluruh Malaysia dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan agar mereka dapat menyampaikan ilmu tersebut kepada seluruh masyarakat," katanya.

Terdahulu beliau turut menyaksikan perbarisan pasukan Pandu Puteri mewakili seluruh negeri, dengan penyertaan lebih 650 peserta.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Raja Puan Muda Perak yang juga Timbalan yang DiPertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah dan Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia Normala Baharudin.

--BERNAMA



# Polis sahkan mayat Huntley

» Hasil ujian DNA dengan ibu mangsa kebarangkalian 99.99 peratus

Oleh Nik Syukri Ramli dan Haspaizi Mohd Zain  
niksyukri@bh.com.my

► Kuantan

Polis mengesahkan mayat lelaki ditemui di Sungai Mentawak, berhampiran Kampung Juara, Pulau Tioman, Rabu lalu adalah warga Britain, Gareth David Huntley, yang dilaporkan hilang sejak 27 Mei lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Sharifuddin Ab Ghani, berkata pengesahan itu dibuat selepas

pihaknya menerima laporan hasil ujian dijalankan oleh pegawai Jabatan Kimia, Petaling Jaya.

"Ya berdasarkan keputusan dan interpretasi dijalankan pegawai sains hasil perbandingan dibuat ke atas profil DNA diperoleh dari ibu mangsa, Janet Southwell.

"Keputusan mendapati beliau adalah ibu kandung kepada tulang mayat yang dijumpai dengan kebarangkalian 99.99 peratus.

"Jadi, berdasarkan laporan ini, bolehlah kita sahkan bahawa mayat lelaki berseluar pendek yang ditemui adalah warga British, Gareth David Huntley yang dilaporkan hilang lebih seminggu lalu di Pulau Tioman," katanya.

## Sudah hentikan SAR

"Dengan penemuan mayat ini, kita sudah menghentikan operasi mencari dan menyelamat (SAR) warga Britain berkenaan.



Gareth David Huntley

"Bagaimanapun, beberapa anggota polis masih lagi diletakkan di kawasan penemuan mayat tersebut bagi mencari bukti dan maklumat lain yang berkaitan," katanya melalui aplikasi pesanan WhatsApp kepada media di sini, semalam.

Pada 27 Mei lalu, Huntley yang dipercayai bekerja dan tinggal di Projek Penyua Juara (JTP) di Kampung Juara, Pulau

Tioman pergi ke kawasan Air Terjun Lubuk Teja secara berseendirian kira-kira jam 12 tengah hari.

Lelaki itu kemudiannya dilaporkan tidak pulang sebelum rakan dan beberapa penduduk kampung keluar mencarinya di kawasan hutan berhampiran air terjun berkenaan.

Sharifuddin bagaimanapun mengesahkan setakat ini ahli keluarga mangsa belum mengemukakan permohonan tuntutan mayat mangsa.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam menyuarakan kesedihan terhadap kematian Huntley itu.

Perdana Menteri melalui entri di laman sosial Twitter miliknya turut melahirkan simpati serta mendoakan kesejahteraan keluarga mangsa dalam menghadapi situasi sukar itu.

KERATAN AKHBAR  
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12  
TARIKH: 08 JUN 2014 (AHAD)



## DNA sah mayat Huntley

KUANTAN 7 Jun - Polis mengesahkan mayat yang dijumpai di sebatang sungai berhampiran Kampung Juara, Pulau Tioman, Rompin Rabu lalu, adalah warga Britain, Gareth David Huntley (**gambar**), 34, yang dilaporkan hilang kira-kira seminggu lalu.

Ketua Polis negeri, Datuk Shari-fuddin Ab. Ghani berkata, pengesahan itu dibuat selepas pihaknya menerima laporan keputusan dan interpretasi asid deoksiribonukliek (DNA) dari Jabatan Kimia di Petaling Jaya, Selangor.

"Setelah perbandingan dibuat ke atas profil-profil DNA yang diperolehi, saya mendapati bahawa penderma spesimen darah Janet Southwell adalah ibu kandung kepada penderma tulang mayat yang dijumpai dengan kebarangkalian 99.99 peratus," katanya dalam aplikasi *WhatsApp*, di sini hari ini.

Pada 27 Mei lalu, Huntley yang dipercayai bekerja dan tinggal di Projek Penyu Juara (JTP) di Kampung Juara, Pulau Tioman telah pergi ke kawasan Air Terjun Lubuk Teja secara bersendirian kira-kira pukul 12 tengah hari.

Lelaki itu kemudian didapati tidak pulang sebelum rakan dan beberapa penduduk kampung keluar mencarinya di kawasan hutan berhampiran air terjun berkenaan.

Bagaimanapun pada Rabu lalu, pasukan mencari dan menyelamat menemui mayat seorang lelaki di sebatang sungai berhampiran sebuah stor penyimpanan kayak di Kampung Juara, Pulau Tioman.

Mayat lelaki tanpa sebarang dokumen pengenalan diri itu ditemui dalam keadaan hanya berseluar pendek dan lengkap berkasut, kira-kira 50 meter dari pantai.

Polis kemudian mengambil sampel DNA milik ibu mangsa pada Khamis lalu, bagi mengetahui sama ada mayat yang ditemui di pulau itu, adalah lelaki berkenaan.



KERATAN AKHBAR  
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 30  
TARIKH : 8 JUN 2014 (AHAD)

SUSULAN WARGA BRITAIN HILANG DI TIOMAN

# Sah mayat Gareth

Oleh Syah Rul Aswari Abdullah  
srul@hmetro.com.my  
Kuantan

Polis mengesahkan mayat lelaki yang ditemui di Sungai Mentawak di Kampung Juara, Pulau Tioman, Rabu lalu, adalah Gareth David Huntley, 34, warga Britain yang dilaporkan hilang di pulau itu sejak 27 Mei lalu.

Ketua Polis Pahang Datuk Sharifuddin Ab Ghani berkata, ia berdasarkan keputusan perbandingan asid deoksiribonukleik (DNA) daripada sampel mayat itu dan ibu Huntley, Janet Southwell, 55, yang dilakukan Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya, Selangor.

"Berdasarkan laporan ujian itu, penderma spesimen darah iaitu Janet adalah ibu kandung kepada mayat berkenaan. Kebarangkalian materniti adalah 99.9 peratus. Ini



ANGGOTA polis mengiring Janet (tengah) ketika tiba di bilik mayat Hospital Tengku Ampuan Afzan bagi tujuan pengesanan mayat.

bermakna mayat ditemui adalah Huntley," katanya di sini, semalam.

Bagaimanapun, katanya, punca kematian mangsa belum diketahui.

Rabu lalu, pasukan mencari dan menyelamat (SAR) menemui satu mayat reput

di Sungai Mentawak, berhampiran kawasan Projek Penyju Juara.

Mayat ditemui jam 1.30 tengah hari tanpa dokumen pengenalan diri, kurang 500 meter dari chalet penginapan Huntley di Pusat Perlindungan Penyju Kampung Juara, di pulau berkenaan.

Mayat itu dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan untuk bedah siasat.

Sehari kemudian, polis menemui telefon bimbit milik Huntley berhampiran lokasi mayat ditemui. Difahamkan, polis memaklumkan keputusan ujian DNA itu kepada Janet.

Huntley adalah sukarelawan pusat perlindungan penyju itu dan dilaporkan hilang selepas dikatakan mahu ke Air Terjun Lubuk Teja berseorangan.

**FAKTA**  
Punca kematian mangsa belum diketahui



# Police: It's Huntley's

DNA of mother's blood sample matches bone specimen from corpse



**Tragic end:**  
Police are still investigating the cause of Huntley's death.

By **ONG HAN SEAN**  
hansean@thestar.com.my

**KUANTAN:** The corpse found in Pulau Tioman has been identified as that of Briton Gareth David Huntley's.

Pahang police chief Senior Deputy Comm Datuk Sharifuddin Ab Ghani said DNA test results had confirmed that the blood sample from Huntley's mother Janet Southwell matched a bone specimen from the body.

He said DNA results and interpretation from the Petaling Jaya Chemistry Department had stated that after comparisons were made with the collected DNA profiles, it was found that the blood specimen donor, Southwell, was the biological mother of the donor of the bone from the body.

"The maternity probability was 99.9999% based on the short tandem repeat database of the Malaysian races of Malay, Chinese and Indians. This meant that the corpse found was Huntley's," SDCP Sharifuddin said.

When contacted, state CID chief Senior Asst Comm Datuk Mohd Zakaria Ahmad said they were still investigating the cause of

Huntley's death pending the finalisation of the post-mortem reports.

"That includes the toxicology report and other documentation. We will have to refer to that to find out the cause of death."

SAC Mohd Zakaria said the British High Commission had been notified of the findings and would handle the claiming of the body.

Rescuers stumbled upon Huntley's body in the Mentawak River during their search for the 34-year-old London accountant who volunteered in a turtle conservation project.

He was reported to have gone trekking alone to the Lubuk Teja waterfall on May 27.

In a statement issued by PR firm Blackstock on its behalf, the Huntley family said: "We would like to thank everyone who came together in the last week to do everything in their power to help find Gareth.

"There are no words that can capture the devastation we feel right now; no words that can capture the kindness, warmth and spirit that Gareth exuded; no words that can describe the void he will leave in all of the lives he touched."

# Body near chalet is Huntley's

**TESTS:** DNA matched  
mother's blood  
samples

**T.N. ALAGESH**

KUANTAN

news@nst.com.my

**P**OLICE have confirmed that the highly decomposed body of a man discovered near a chalet in Kampung Juara, Pulau Tioman on June 4 is that of missing British backpacker Gareth Huntley.

State police chief Datuk Sharifuddin Ab Ghani said the DNA report obtained from the **Chemistry Department** in Petaling Jaya re-

vealed that blood samples taken from Huntley's mother Janet Southwell matched the bone specimen taken from the body.

It is learnt that Huntley's family members who are still in here have not claimed the body from Tengku Ampuan Afzan Hospital (HTAA) mortuary and were expected to make arrangements to bring the body back to London over the next few days.

Sharifuddin said the pathologist had yet to determine the cause of Huntley's death and was conducting further investigations.

Huntley, 34, from Cricklewood in north London, who was staying at the Penyu Juara Chalet in Kampung Juara, had gone to the Lubuk Teja waterfall on May 27 around noon, but failed to return to the chalet.

Two days later, his disappearance was reported at the Tioman police station. A massive search operation involving 157 policemen, civil defence personnel and fire and rescue personnel was launched to locate him.

Huntley's body was airlifted from Pulau Tioman late on Wednesday night.

His mother, accompanied by his girlfriend Kit Natariga Pan-yawatcharakun and British High Commission vice-consul Karen Song, arrived at HTAA from Pulau Tioman at 11am the following day.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak extended his condolences to the Huntley family.

"Our thoughts and prayers are with Gareth Huntley, his family and friends at this tragic time," the prime minister tweeted.